- Membina dan menyempurnakan pembinaan Sistem Bekalan Air Di Zon 1 dan Zon 2.

### **iv. Mekanikal & Elektrikal**

- Memasang lampu awam disepanjang koridor sungai.
- Kerja memasang, servis dan baik pulih peralatan-peralatan mekanikal dan elektrikal di loji rawatan air berpusat.
- Melaksanakan kerja-kerja SCADA di loji rawatan air berpusat.
- Kerja-kerja mekanikal dan elektrikal serta lampu awam di pusat informasi sungai dan kawasan sekitarnya.



Kemasan Siar Kaki



Kemasan Bangunan Utama



Kerja-kerja pemasangan pam dan Sistem pembentungan

**7.3.4 Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Klat Di Kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 2 (Pakej 2)**

**7.3.4.1 Skop Kerja**

*i. Drainage Works*

- Kampung 6 dan Kampung 7
- Smk Tun Tuah Ke Lorong Pandan
- Jalan Tamby Abdullah ke Laut

*ii. Structure Works*

- TNB Sub Station
- Control Room
- Pump sump
- Control Gate

*iii. Infrastructure Works*



Pemasangan Genset



Aerial View Rumah Pam Sg. Duyong



Pemasangan pagar Rumah Pam

## 7.4

### Senarai Projek Yang Telah Disiapkan Sepanjang 2016-2019

#### 7.4.1 Projek Menaiktaraf Empangan Timah Tasoh ,Perlis (Fasa 2 ) Pakej 3 - Menaiktaraf Jalan Kangar-Padang Besar, Jalan Lencongan Barat Timah Tasoh dan Jalan Sahabat, Kg. Aman Serta Kerja-kerja Berkaitan.

##### 7.4.1.1 Skop Kerja

- Pembinaan Extension Saddle Dam (266m)
- Pembinaan Jambatan di Sg. Pelarit dan Sg. Jarum (2 Nos)
- Menaiktaraf Jalan Lencongan Barat – Timah Tasoh (1.9km)
- Menaiktaraf Jalan Sahabat – Jalan Kg. Aman (2.0km)



Jalan Sahabat Kg Aman Ch 1000 – 50A  
(Island)



Jalan Sahabat Kg. Aman CH 400A – 100A



Jalan Lencongan Barat CH 1600-2150



Jalan Lencongan Barat CH 250 - 1100



Jambatan Sg. Jarum



Jambatan Sungai Pelarit

## 7.4.2

## Pembinaan Ban Perlindungan dan Sistem Perparitan Dalaman di Mukim Kg Tasoh Fasa 2 - Paket 4

### 7.4.2.1 Skop Kerja

- Pembinaan 'Main Bund' sepanjang 3.6 km
- Pembinaan 'Saddle Bund' sepanjang 0.6 km
- Pembinaan plug sepanjang 0.25 km
- Kerja-kerja perparitan
- Menaiktaraf Jalan Kampung
- Membina dua (2) unit rumah pam
- Membina dua (2) 'TNB Substation'
- Membina dua (2) kolam takungan
- Membina satu (1) unit jambatan MTB



#### **7.4.3 RTB Lembangan Sungai Kerian**

##### **7.4.3.1 Objektif perlaksanaan Projek Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian adalah untuk:-**

- Mengurangkan risiko banjir dengan menyediakan tahap perlindungan banjir menggunakan rekabentuk ARI 20 tahun (keluasan kawasan banjir dikurangkan dari 12,200 ha kepada 2,440 ha – pengurangan sebanyak 80%) di lembangan Sungai Kerian dan Sungai Kurau terutamanya di kawasan Parit Buntar, Bagan Serai, Alor Pongsu, Selama, Ijok, Bandar Baharu dan Nibong Tebal.
- Mengurangkan risiko banjir yang disebabkan oleh fenomena pasang surut air laut di muara Sungai Kerian dan Sungai Kurau

#### **7.4.4 RTB Lembangan Sungai Kerian - Membina Ban Dari Sungai Serdang Ke Lebuhraya Plus Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman.**

##### **7.4.4.1 Skop Kerja**

- Membina ban dan jalan ladang sepanjang 17.3 km.
- Membina *Retreat Bund* sepanjang 400 meter.
- Membina *Lay-by* setiap 2 km sebanyak 10 nos.
- Mendalamkan Sungai Cheelong sepanjang 3 km dan Sungai Serdang sepanjang 2 km.
- Membina *Borrowpit* baru di sepanjang ban yang dibina.
- Membina P.C Box Culvert 1800mm x 1800mm serta memasang HDPE Flap Gate sebanyak 6 nos.
- Menjalankan kerja-kerja *Foundation* dengan menggunakan *Eco-Raft Piles Foundation System (ERP)*.
- Kerja-kerja *Turfing*



Pembinaan Ban CH 6500



Box Culvert CH 7650



Pembinaan ban CH 9000-13000



Pembinaan Ban di CH 13000

**7.4.5 RTB Lembangan Sungai Kerian - Membina Ban Dari Sg. Tepus Ke Lebuhraya PLUS Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Bandar Baharu, Kedah**

**7.4.5.1 Skop Kerja:**

- Menaik taraf ban yang sediada (9.3 km)
- Membina ban baru (3.4 km)
- Membina *L-Shape Floodwall* sepanjang 1.3 km (CH 7,000-CH 8,300)
- Membina canal (borrowpit) baru (11.7 km)
- Membersihkan canal (borrowpit) sediada (2.3 km)
- Mengorek Sg. Parit Nibong (2.6km)
- Mengorek Sg. Kechil Ulu (3 km)
- Membina jalan ladang dari sepanjang 11.7 km (CH 8,300-CH 20,000)
- Membina Struktur Outlet P.C Box Culvert 1800mm x 1800mm serta memasang HDPE Flap Gate sebanyak 13 lokasi (Twin – 9 lokasi dan Single 4 lokasi)
- Membina Laybay (20 nos)
- Connection to LLM Reserve
- Membina Earth Ramp sebanyak 34 nos
- Kerja-kerja turfing (hydroseeding)



Pembinaan Ban di CH 8300 – CH11000



Permanent Steel Sheet Pile di CH16650



Well guard Flood Wall



Control Outlet Structure (Twin) CH 10650



Flood Wall di CH 700-8300

**7.4.6 RTB Lembangan Sungai Kerian - Kerja-Kerja Membina Ban Dan Struktur Di Tebing Kiri Sg. Kerian Dari Parit Buntar ke Muara Sg. Semang, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan**

**7.4.6.1 Skop Kerja**

- Pembinaan Tembok Dinding sepanjang 550 m dan *Planter Box* sepanjang 63m di Zon F.
- Pembinaan *Sheet pile Flood wall* CH 17530 – CH17730 (160m)
- Pembinaan *Flood wall* di CH 17670 – CH 18950 (940 m)
- Pembinaan *Sheetpile Flood wall* di CH 17830 – CH 17902 (72 m)
- Ban tanah (905 m) dan *Flood wall* (405 m) di Dennis Town dari CH18230 – CH 19540 (1310 m)
- Ban tanah (8223 m) dan *Flood wall* (47 m) dari CH19540 – CH 27810 (8270m)
- Pembinaan 11 pintu air



Tembok Dinding Zon E



Steel Sheet Pile Flood wall  
CH 17787- CH 17862



Drainage Outlet Structures CH19150



L- Shape Unit Flood wall



Planter Box Zon F



Ban Tanah CH 20000-CH 20500

**7.4.7 RTB Lembangan Sungai Kerian - Membina Ban Dan Struktur Di Tebing Kanan Sungai Kerian Dari Ampang Jajar Ke Sungai Tepus, Daerah Bandar Baharu, Kedah.**

**7.4.7.1.1 Skop Kerja**

- Pembinaan Ban dari Ch 15,400 hingga Ch 22,300 (6.9km)
- Floodwall sepanjang 256 meter.
- Drainage outlet structure (1 twin, 8 single)
- Ban Dataran Bandar Baharu (350m)
- Keystone Dataran Bandar Baharu (210m)
- Kerja-kerja Lanskap di Dataran Bandar Baharu
- Turfing (6.64 km)
- Access road (6.9 km)





Plaza Dataran Bandar Baharu



Gazebo Dataran Bandar Baharu

**7.4.8 RTB Lembangan Sungai Kerian – Membina 3 Unit Rumah Pam Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Bandar Baharu, Kedah.**

**7.4.8.1 Skop Kerja**

- Pembinaan Rumah Pam Bandar Baharu
- Pembinaan Rumah Pam Bagan Samak
- Pembinaan Rumah Pam Parit Nibong
- Kerja-kerja Lanskap
- Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal di 3 buah rumah pam




#### 7.4.9 Rancangan Tebatan Banjir Gemas, Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai Gemas, Pembinaan Flood Levee, Kolam Takungan Dan Kerja-Kerja Berkaitan

##### 7.4.9.1 Objektif pelaksanaan projek ini adalah:

- Mengurangkan risiko banjir dengan menyediakan tahap perlindungan banjir menggunakan rekabentuk 50ARI (keluasan kawasan banjir dari 520ha ke 104ha - pengurangan sebanyak 80%) di Bandar Gemas di Negeri Sembilan dan Gemas Bahru di Johor serta kawasan sekitarnya.

#### 7.4.9.2 Skop Kerja

- Bayaran Perunding, Penyiasatan Tanah dan Kerja Ukur
- Pengambilan Balik Tanah
- Kerja-kerja Menaiktaraf, Mendalam dan Melebar Sungai Gemas
- Pembinaan Ban Banjir (Ban Tanah dan RC Wall), Perlindungan Tebing, dan *Back Water Gate* dan *Sluice Gate*.
- Pengalihan Utiliti



# PENGURUSAN SUMBER AIR DAN HIDROLOGI

## 7.1 Peranan

Menyediakan khidmat kepakaran dalam pengurusan data dan maklumat hidrologi, memantau dan meramal banjir, menilai sumber air dan memantau kemarau, menjalankan penyelidikan, memberi nasihat teknikal rekabentuk dan amalan hidrologi untuk pembangunan negara yang mampan.

## 7.2 Pengurusan Sumber Air

### 7.2.1 Definisi Sumber Air

Sumber-sumber air yang boleh diperolehi untuk kegunaan manusia dan alam sekitar yang merangkumi sungai, tasik, air bawah tanah, air laut dan sumber air yang lain.

### 7.2.2 Definisi Pengurusan Sumber Air


Segala inisiatif yang merujuk kepada pengurusan dan kegunaan air terutamanya untuk mendatangkan faedah kepada manusia dan tindakan untuk memastikan perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber air adalah lestari dan air mencukupi untuk semua.

### 7.2.3 Tanggungjawab JPS mengenai Sumber Air

Peranan JPS dalam sumber air adalah selaras dengan "Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969" Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2013 P.U (A) 222 dalam perkara berikut:

- Perancangan dan pembangunan sistem ramalan dan amaran banjir serta penilaian dan pengurusan sumber air negara
- Pengurusan lembangan sungai
- Pengurusan air untuk tanaman dan keperluan pertanian
- Program tebatan banjir
- Pengurusan zon pantai
- Pengurusan air hujan di kawasan bandar

Rajah 7.1: Sumber Air di Malaysia




Sumber: Review of the National Water Resources Study (2000-2050)

Rajah 7.2: Sumber Air di Malaysia

## SENARIO SUMBER AIR DI MALAYSIA



2,940 mm Available  
Rainfall in Malaysia



Sumber: Review of the National Water Resources Study (2000-2050)

**Jadual 7.1: Keperluan Sumber Air Negara Sehingga Tahun 2050**

| Permintaan (Termasuk Kehilangan) |                               | 2010   | 2020   | 2030   | 2040   | 2050   |
|----------------------------------|-------------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|
| Air Minuman                      | Liter per hari (juta)         | 14,458 | 18,618 | 20,995 | 23,368 | 25,455 |
| Pengairan Padi                   | m <sup>3</sup> / tahun (juta) | 8,266  | 9,112  | 8,049  | 7,641  | 7,205  |
| Selain Pengairan Padi            | m <sup>3</sup> / tahun (juta) | 1,117  | 1,123  | 1,113  | 1,150  | 1,176  |
| Penternakan                      | m <sup>3</sup> / tahun (juta) | 128.8  | 179.9  | 256.4  | 378.6  | 578.3  |
| Perikanan                        | m <sup>3</sup> / tahun (juta) | 1,287  | 1,593  | 1,923  | 2,390  | 2,898  |

Sumber: *Review of the National Water Resources Study (2000-2050)*

**Jadual 7.2: Senarai Kajian Sumber Air**

| Bil. | Tajuk Kajian  | Tempoh Kajian (Tahun) |
|------|---|-----------------------|
| 1    | Kajian Indeks Kualiti Air Sungai di Semenanjung Malaysia  | 2008-2009             |
| 2    | Kajian Integrated Water Resources Study for the Northern Region of Peninsular Malaysia  | 2008-2009             |
| 3    | Preliminary Study on the National Groundwater Potential in Peninsular Malaysia  | 2008-2009             |
| 4    | Study on the Impacts of Land Development Activities on Water Resources of Sg. Kelantan and the Development of Conservation Plan | 2008-2010             |
| 5    | BMP's in Awareness Raising and Capacity Building Towards the Effective Implementation of IWRM In Malaysia                       | 2009-2012             |
| 6    | Study of Impact of Climate Change on Design Floods and Its Application for the Damansara, Johor and Kelantan River Basin        | 2008-2009             |
| 7    | Review of the National Water Resources Study (2000-2050) and Formulation of National Water Resources Policy.                    | 2009-2010             |
| 8    | An Overview Study on Water-Energy-Food Nexus in Malaysia.   | 2015                  |
| 9    | National Assessment Report on Water Related Hazards and Disasters.  | 2017                  |



## 7.3 Hidrologi

### 7.3.1 Definisi Hidrologi

Hidrologi ialah satu bidang sains tentang kewujudan, pusingan dan taburan, sifat kimia dan fizik air di dunia ini serta tindak balas dengan persekitarannya.

### 7.3.2 Aktiviti Hidrologi Jabatan

Aktiviti hidrologi berkait rapat dengan data dan maklumat tentang kuantiti, kualiti dan variabiliti penting untuk pembangunan sumber air negara. Komponen asas kitaran hidrologi termasuk kerpasan, sejatan dan pemeluhan, air larian, air bumi, tasik dan waduk. Skop aktiviti hidrologi merangkumi mencerap, mengukur, merakam dan menyebar data hidrologi, menjalankan analisis untuk perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber air dan menggunakan teori yang dibangunkan untuk menyelesaikan masalah.



## 7.4 Rangkaian Stesen Hidrologi

JPS Malaysia memiliki 1,458 buah stesen Rangkaian Hidrologi Nasional (RHN) di seluruh negara yang membekalkan data hidrologi kepada pihak swasta, agensi kerajaan dan universiti. Data-data hidrologi ini digunakan bagi tujuan penyelidikan, perancangan, rekabentuk, pembangunan dan pengurusan sumber air negara.

Stesen Rangkaian Hidrologi Nasional (RHN) aktif ini terdiri daripada 977 stesen hujan, 150 stesen aras air, 118 stesen sukat luah, 113 stesen enapan ampai, 75 stesen kualiti air dan 25 stesen sejatan.




## 7.5 Sistem Amaran Banjir

Sistem Amaran Banjir merupakan satu sistem untuk mengumpul data aras air sungai dan data curahan hujan untuk membolehkan amaran banjir dibuat apabila keadaan memerlukan. Bagi tujuan memantau secara semasa aras sungai dan curahan hujan, sistem telemetri digunakan. Di mana maklumat aras air sungai dan hujan akan disalurkan ke Bilik Gerakan di peringkat daerah, negeri dan pusat untuk gerakan banjir. Satelit akan digunakan untuk menghantar data secara semasa sekiranya sistem telemetri tidak boleh digunakan seperti di kawasan hutan di Kelantan.

Bagi kawasan yang tidak dilengkapi dengan sistem telemetri, stesen tolok lurus sungai akan ditempatkan di lokasi strategik dan pembaca akan dilantik untuk membaca aras sungai secara berjadual dan menghantar maklumat ke Pejabat JPS Daerah atau Negeri melalui telefon atau radio VHF.

Bagi kawasan yang kerap mengalami banjir, JPS telah menubuhkan sistem siren amaran banjir dan papan amaran banjir di mana penduduk boleh mengambil tindakan sendiri. Siren akan berbunyi secara automatik apabila aras air naik ke tahap kritikal dan penduduk akan tahu keadaan banjir yang sedang berlaku dan membolehkan penduduk mengambil tindakan sewajarnya. Manakala papan amaran banjir mempamerkan maklumat aras banjir pada masa akan datang yang ditetapkan berdasarkan kepada tahap aras air semasa di stesen aras air rujukan yang terletak di hulu sungai. Maklumat aras air di stesen rujukan akan diumumkan melalui radio atau pihak polis. Penduduk terlibat akan dapat membuat ramalan dan memutuskan dengan sendiri tindakan yang perlu diambil.



Jadual 7.3 : Inventori Kemudahan Komunikasi dan Logistik JPS Sistem Amaran Banjir

| Bil | NEGERI        | STESEN TELEMETRI (INFOBANJIR) |                   |                      |                                    | TOLOK LURUS |            | SIREN AMARAN BANJIR | PAPAN AMARAN BANJIR | BOT(ENJIN) | SAMPAH TANPA ENJIN | PAM BERGERAK KENDERETAAN PACUAN 4 RODA | PINTU AIR  |             |
|-----|---------------|-------------------------------|-------------------|----------------------|------------------------------------|-------------|------------|---------------------|---------------------|------------|--------------------|--|------------|-------------|
|     |               | JUMLAH                        | STESEN HUJAN SHJ. | STESEN ARAS AIR SHJ. | STESEN GABUNGAN (HUJAN & ARAS AIR) | SUNGAI      | KAWASAN    |                     |                     |            |                    |  |            |             |
| 1.  | Perlis        | 14                            | 4                 | 2                    | 8                                  | 10          | 10         | 12                  | 0                   | 3          | 10                 | 5                                      | 68         | 292         |
| 2.  | Kedah         | 54                            | 22                | 8                    | 24                                 | 21          | 127        | 38                  | 0                   | 6          | 0                  | 10                                     | 23         | 44          |
| 3.  | P.Pinang      | 54                            | 34                | 5                    | 15                                 | 11          | 89         | 26                  | 0                   | 2          | 0                  | 12                                     | 72         | 20          |
| 4.  | Perak         | 52                            | 26                | 3                    | 23                                 | 50          | 30         | 32                  | 30                  | 28         | 0                  | 46                                     | 45         | 207         |
| 5.  | Selangor      | 121                           | 54                | 0                    | 67                                 | 352         | 126        | 109                 | 0                   | 5          | 0                  | 45                                     | 124        | 434         |
| 6.  | W.P K.Lumpur  | 32                            | 18                | 5                    | 9                                  | 18          | 0          | 24                  | 0                   | 1          | 0                  | 1                                      | 0          | 20          |
| 7.  | N.Sembilan    | 56                            | 40                | 5                    | 11                                 | 10          | 50         | 16                  | 0                   | 3          | 0                  | 20                                     | 4          | 38          |
| 8.  | Melaka        | 8                             | 0                 | 0                    | 8                                  | 8           | 8          | 9                   | 1                   | 9          | 1                  | 3                                      | 0          | 5           |
| 9.  | Johor         | 65                            | 28                | 3                    | 34                                 | 138         | 48         | 37                  | 0                   | 17         | 9                  | 37                                     | 12         | 320         |
| 10. | Pahang        | 43                            | 11                | 2                    | 30                                 | 22          | 0          | 51                  | 0                   | 12         | 0                  | 57                                     | 44         | 29          |
| 11. | Terengganu    | 42                            | 21                | 1                    | 20                                 | 79          | 15         | 21                  | 0                   | 0          | 0                  | 13                                     | 2          | 33          |
| 12. | Kelantan      | 28                            | 13                | 1                    | 14                                 | 15          | 102        | 27                  | 9                   | 3          | 0                  | 4                                      | 0          | 0           |
| 13. | Sarawak       | 282                           | 147               | 26                   | 109                                | 28          | 28         | 1                   | 10                  | 26         | 0                  | 101                                    | 11         | 263         |
| 14. | Sabah         | 20                            | 10                | 2                    | 8                                  | 14          | 141        | 97                  | 111                 | 14         | 0                  | 36                                     | 0          | 17          |
| 15. | W.P. Labuan   | 5                             | 5                 | 0                    | 0                                  | 0           | 0          | 1                   | 0                   | 0          | 0                  | 2                                      | 0          | 0           |
|     | <b>JUMLAH</b> | <b>876</b>                    | <b>433</b>        | <b>63</b>            | <b>380</b>                         | <b>776</b>  | <b>774</b> | <b>501</b>          | <b>161</b>          | <b>129</b> | <b>20</b>          | <b>392</b>                             | <b>405</b> | <b>1722</b> |

Jadual 7.4: Laporan Banjir Mengikut Negeri (2002-2018)

| Negeri          | Bilangan Kejadian Banjir yang dilaporkan |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |  |
|-----------------|--|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|--|
|                 | 2002                                     | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |  |
| Perlis          | 0  | 0    | 0    | 3    | 3    | 0    | 0    | 3    | 1    | 4    | 0    | 1    | 17   | 8    | 3    | 4    | 0    |  |
| Kedah           | 4  | 13   | 0    | 8    | 8    | 10   | 7    | 14   | 7    | 5    | 3    | 13   | 27   | 37   | 26   | 55   | 19   |  |
| Pulau Pinang    | 6  | 13   | 11   | 5    | 5    | 12   | 7    | 18   | 0    | 5    | 6    | 19   | 19   | 20   | 51   | 41   | 25   |  |
| Perak           | 15                                       | 2    | 27   | 44   | 44   | 36   | 10   | 20   | 7    | 17   | 14   | 11   | 38   | 41   | 21   | 55   | 9    |  |
| Kelantan        | 5  | 7    | 9    | 10   | 10   | 10   | 12   | 15   | 1    | 14   | 1    | 7    | 6    | 6    | 9    | 30   | 0    |  |
| Terengganu      | 0  | 3    | 5    | 3    | 3    | 2    | 6    | 8    | 3    | 16   | 0    | 8    | 7    | 4    | 11   | 23   | 4    |  |
| Pahang          | 2  | 2    | 2    | 26   | 26   | 34   | 10   | 9    | 2    | 6    | 2    | 19   | 32   | 24   | 18   | 61   | 33   |  |
| Selangor        | 22                                       | 26   | 30   | 57   | 57   | 10   | 34   | 13   | 26   | 18   | 34   | 23   | 45   | 102  | 70   | 86   | 84   |  |
| Melaka          | 2  | 0    | 8    | 7    | 7    | 2    | 8    | 3    | 0    | 4    | 0    | 3    | 5    | 14   | 6    | 17   | 18   |  |
| Negeri Sembilan | 7  | 2    | 3    | 7    | 7    | 16   | 5    | 3    | 4    | 8    | 14   | 12   | 16   | 18   | 9    | 27   | 7    |  |
| Johor           | 0  | 6    | 13   | 14   | 14   | 1    | 16   | 6    | 4    | 9    | 7    | 12   | 13   | 13   | 11   | 15   | 0    |  |
| WP Kuala Lumpur | 8  | 5    | 4    | 5    | 5    | 3    | 12   | 3    | 3    | 5    | 8    | 10   | 6    | 8    | 6    | 15   | 5    |  |
| WP Putrajaya    | -  | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | 0    | 1    | 0    | 0    |  |
| WP Labuan       | -  | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | -    | 2    | 1    | 1    | 0    |  |
| Sabah           | 5  | 6    | 4    | 14   | 14   | 0    | 15   | 6    | 9    | 6    | 0    | 1    | 10   | 3    | 1    | 4    | 4    |  |
| Sarawak         | 15                                       | 8    | 5    | 5    | 5    | 6    | 12   | 8    | 1    | 4    | 1    | 1    | 2    | 23   | 23   | 64   | 89   |  |
| Jumlah          | 91                                       | 93   | 121  | 208  | 208  | 142  | 154  | 129  | 68   | 121  | 90   | 140  | 243  | 323  | 267  | 498  | 297  |  |

## 7.6 Sistem-Sistem Pemantauan Dan Ramalan Yang Dibangunkan Oleh Bahagian Pengurusan Sumber Air Dan Hidrologi

Jadual 7.5: Sistem Pemantauan Dan Ramalan

| Bil | Nama Sistem   | Penerangan Ringkas  |
|-----|---|---|
| 1.  | ASEAN Working Group on Water Resource Management (AWGWRM) | Sistem ini dibangunkan bagi perkongsian data hidrologi khususnya data kualiti air untuk negara ASEAN yang terlibat. Antara negara ASEAN yang terlibat adalah Malaysia, Myanmar, Laos, Thailand, Cambodia, Vietnam, Filipina, Indonesia, Singapura dan Brunei. Sistem ini bertujuan untuk memaksimumkan kekonsistensi Kebangsaan dalam pemantauan yang berkaitan kepada kualiti air dan pengurusan sungai. Sistem ini boleh didapati di laman web: <a href="http://rhn.water.gov.my/awgwrm">http://rhn.water.gov.my/awgwrm</a> |
| 2.  | Sistem Pengurusan Rangkaian Hidrologi Nasional (SPRHN)    | Sistem ini mengandungi maklumat stesen-stesen hidrologi dalam Rangkaian Stesen Hidrologi Nasional. Ia sebagai One Stop Centre kepada pelanggan (terdiri dari agensi swasta dan kerajaan, para penyelidik, pelajar di institusi pengajian tinggi, kontraktor) yang menggunakan data hidrologi. Pelanggan boleh membuat permohonan data secara online melalui sistem ini. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web: <a href="http://rhn.water.gov.my/sprhn">http://rhn.water.gov.my/sprhn</a>           |
| 3.  | <i>Integrated Water Resources Management (IWRM)</i>       | Laman Web ini merupakan suatu sistem pengurusan maklumat sumber air yang amat berguna kepada semua pihak yang berkepentingan bagi memastikan maklumat serta informasi berkaitan sumber air dapat diurus dengan berkesan serta dapat dirujuk dengan mudah dan cepat. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web : <a href="http://iwrn.water.gov.my">http://iwrn.water.gov.my</a>  |

| Bil | Nama Sistem                             | Penerangan Ringkas  |
|-----|---|---|
| 4.  | Infobanjir                              | Sistem Pemantauan Banjir yang mengandungi maklumat data hujan dan paras air pada masa nyata. Ia sebagai petunjuk kepada kemungkinan berlakunya banjir dan juga tanah runtuh. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web :<br><a href="http://infobanjir.water.gov.my">http://infobanjir.water.gov.my</a>  |
| 5.  | <i>Public InfoBanjir</i>                | Ia merupakan satu laman web khusus untuk diakses orang awam dan mengandungi maklumat keadaan semasa aras air, hujan dan maklumat terkini banjir. Laman ini juga berpaut kepada Portal Banjir ( <a href="http://portalbanjir.mkn.gov.my">portalbanjir.mkn.gov.my</a> ) dan mempunyai maklumat semasa bagi kawasan-kawasan banjir serta maklumat mangsa perpindahan. Ia juga berpaut pada e-bencana alam, JKR ( <a href="http://bencanalam.jkr.gov.my">bencanalam.jkr.gov.my</a> ) dan mempunyai maklumat semasa bagi jalan - jalan yang terlibat dalam kejadian banjir. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web : <a href="http://publicinfobanjir.water.gov.my">http://publicinfobanjir.water.gov.my</a> |
| 6.  | Infokemarau                             | Sistem Pemantauan Kemarau yang mengandungi maklumat mengenai status sumber air, amaran awal kemarau dan status kemarau di Semenanjung Malaysia. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web : <a href="http://infokemarau.water.gov.my">http://infokemarau.water.gov.my</a>  |
| 7.  | Sistem Laporan dan Amaran Banjir (FWRS) | Aplikasi laman web Flood Warning and Report System (FWRS) ialah satu mekanisme pelaporan kejadian banjir semasa dan penyediaan laporan banjir semasa daripada peringkat JPS Daerah secara terus kepada Bahagian Hidrologi dan Sumber Air secara 'online'. Maklumat lanjut berkenaan sistem ini boleh didapati di laman web:<br><a href="http://reportbanjir.water.gov.my">http://reportbanjir.water.gov.my</a>  |
| 8.  | Integrated Flood Analysis System (IFAS) | Sistem ini adalah bertujuan untuk memantau, meramal dan memberi amaran awal mengenai kejadian banjir di kawasan Sg. Dungun kepada penduduk sekitar dan agensi berkaitan dengan lebih cepat dan efektif. Input data adalah daripada <a href="http://hokusai.eorx.jaxa.jp/realtime">http://hokusai.eorx.jaxa.jp/realtime</a> dan infobanjir.  |

| Bil | Nama Sistem   | Penerangan Ringkas  |
|-----|---|---|
| 9.  | Development of National Flood Forecasting and Warning System (NaFFWS) | Sistem ini adalah bertujuan untuk memantau, meramal dan memberi amaran awal mengenai kejadian banjir di kawasan Sg. Padas, Sg. Sarawak, Sg. Muda, Sg. Kerian, Sg. Muar, Sg. Kedah/ Anak Bukit, Sg. Pahang, Sg. Terengganu dan Sg. Kelantan kepada penduduk sekitar dan agensi berkaitan dengan lebih cepat dan efektif. |

## 7.7 Program Ramalan & Amaran Banjir Negara (PRAB)

Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) telah diwujudkan akibat kejadian banjir besar yang berlaku pada Disember 2014 yang telah melanda lapan negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Perlis, Johor, Sabah dan Sarawak. Kejadian banjir tersebut telah merekodkan seramai 25 kematian dengan jumlah perpindahan melebihi 500,000 orang dan kos kemasuhan melebihi RM 2.85 billion.



Gambar kejadian banjir Disember 2014 di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang

Berdasarkan kajian Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) *National Register of River Basin* (2003) mendapati 9% daripada keluasan negara merupakan kawasan yang mudah berlaku banjir dengan hampir 4.9 juta penduduk terjejas akibat banjir. Impaknya membawa kepada kerugian harta benda melebihi RM915 juta setahun dengan kerugian penyusutan ekonomi melebihi RM 2 billion setahun.

Program PRAB akan dilaksanakan secara komprehensif di seluruh negara yang akan melibatkan pembangunan model ramalan banjir di 41 lembangan sungai utama. Program ini diharapkan akan dapat memberi kesan positif secara langsung kepada penduduk-penduduk yang terlibat banjir.

### 7.7.1 Objektif PRAB


Program PRAB telah menetapkan 4 objektif utama yang perlu dicapai iaitu;

- 1) Membangunkan sistem yang berupaya **meramal** kejadian banjir monsun **7 hari lebih awal** berdasarkan data ramalan cuaca dari Jabatan Meteorologi Malaysia.
- 2) Meningkatkan keupayaan sistem **amaran** dan hebahan banjir monsun dari 6 jam kepada **2 hari lebih awal** kepada agensi berkepentingan dan penduduk yang terlibat dengan banjir.
- 3) Meningkatkan **ketepatan** amaran banjir monsun dengan mengurangkan perbezaan ramalan dan sebenar iaitu aras air lebih 1 meter kepada **kurang 0.5 meter**.
- 4) Membangunkan sistem yang berupaya **meramal** dan memberi amaran kejadian **banjir kilat** kepada orang awam dalam tempoh **1 hingga 3 jam lebih awal** dengan berdasarkan data ramalan cuaca dari Jabatan Meteorologi Malaysia. Ramalan ini hanya memfokuskan kepada limpahan air sungai sahaja.

## 7.7.2 Komponen Utama

Bagi mencapai objektif program PRAB, terdapat empat (4) komponen utama yang akan dilaksanakan secara bersepadu dengan menggunakan teknologi terkini. Komponen-komponen tersebut adalah seperti berikut:


- 1) Membangunkan Sistem Pengesahan Data Hidrologi
- 2) Membangunkan Sistem Pangkalan Data dan Infrastruktur ICT
- 3) Membangunkan Sistem Ramalan dan Pemodelan Banjir
- 4) Meningkatkan Sistem Amaran dan Hebahan



Komponen-komponen utama PRAB

### 7.7.3 Pelaksanaan PRAB

Program PRAB dilaksanakan dalam dua fasa iaitu PRAB Fasa 1 dan PRAB Fasa 2. Ianya akan dilaksanakan dalam tempoh 7 tahun (2015 hingga 2022) di mana bagi Projek PRAB Fasa 1 (PRAB F1) telah dilaksanakan di tiga (3) lembangan sungai utama iaitu Sg. Kelantan, Sg. Terengganu dan Sg. Pahang. Bagi Projek PRAB Fasa 2, ia telah bermula pada tahun 2018 dan dijangka akan siap pada tahun 2022. PRAB Fasa 2 akan melibatkan pembangunan model ramalan banjir di 38 lembangan sungai seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.



Lokasi lembangan sungai terlibat dalam PRAB

### 7.7.4 Transformasi Ramalan Dan Amaran Banjir

Program PRAB telah mensasarkan beberapa anjakan transformasi di dalam sistem ramalan dan amaran banjir sediada kepada yang lebih ke hadapan dan akan memberi impak yang besar kepada orang ramai. Terdapat empat elemen utama dalam transformasi ini iaitu:

- 1) Tempoh masa ramalan banjir
- 2) Tempoh masa amaran banjir
- 3) Penambahbaikan sistem pangkalan data ramalan banjir
- 4) Liputan capaian hebahan amaran banjir



### **7.7.5 Faedah Dan Manfaat**

Terdapat empat faedah utama yang akan diperolehi dengan terlaksananya program PRAB iaitu:

- 1) Memberi tempoh masa yang mencukupi untuk agensi dan penduduk bertindak awal menghadapi banjir
- 2) Mengurangkan kerugian harta benda awam dan kerajaan
- 3) Meningkatkan keyakinan penduduk terutamanya mangsa banjir terhadap sistem penyampaian kerajaan yang berkesan
- 4) Membolehkan agensi bertanggungjawab menyusun strategi logistik dan pemindahan penduduk dengan lebih cekap dan teratur

## 7.8 Program National Water Balance System (NAWABS)

Pengurusan sumber air yang cekap dan berkesan merupakan fokus utama untuk pengekalan dan kelestarian sumber air di negara ini. Pertambahan jumlah penduduk dianggarkan pada tahun 2050 akan mencecah 43 juta orang yang akan menyebabkan permintaan air yang bersih dan selamat meningkat. Ini termasuklah permintaan air domestik, sektor pertanian dan industri.

Kajian dan Pembangunan *National Water Balance Management System* (NAWABS) iaitu salah satu *Management Tools* dalam *Integrated Water Resources Management* (IWRM) yang mana secara asasnya akan memberi maklumat / ramalan ketersediaan sumber air kehadapan dengan mengambil kira sumber air dan keperluan (*demand*) pada masa sekarang dan akan datang.

### NATIONAL WATER BALANCE MANAGEMENT SYSTEM (NAWABS)



### 7.8.1 Objektif NAWABS

## OBJEKTIF NAWABS

Menjalankan **kajian** dan **pembangunan keseimbangan sumber air** (NAWABS) bagi pengurusan sumber air negara bagi memperkasakan risikan dan maklumat sumber air serta mengoptimumkan pengagihan sumber air

01.



02.

Memberi **ramalan kemarau 2 bulan** lebih awal dan **amaran 14 hari** lebih awal.



03.


Membina keupayaan semua pihak membolehkan **penglibatan dan kalaborasi** yang **berkesan dalam tadbir urus sumber air** berkepentingan untuk negara

## 7.8.2 Komponen Projek NAWABS




### 7.8.3 Perlaksanaan NAWABS

Program NAWABS akan dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu NAWABS Fasa 1 (RMK 11 RP1) terlibat dengan 7 lembangan sungai iaitu Lembangan Sungai Muda, Sungai Kedah, Sungai Melaka, Sungai Bernam, Sungai Kelantan, Sungai Klang dan Sungai Similajau. NAWABS Fasa 2 (RMK 11 RP3) terlibat dengan 12 lembangan sungai dan NAWABS Fasa 3 (RMK 12) terlibat dengan 31 lembangan sungai, jadual perlaksanaan program NAWABS adalah seperti gambarajah berikut



**NAWABS Fasa 1  
(RMK11 RP1)**

| No. | Lembangan Sungai |
|-----|------------------|
| 1.  | Sg. Muda         |
| 2.  | Sg. Kedah        |
| 3.  | Sg. Melaka       |
| 4.  | Sg. Bernam       |
| 5.  | Sg. Klang        |
| 6.  | Sg Kelantan      |
| 7.  | Sg. Similajau    |



**NAWABS Fasa 2  
(RMK11 RP3)**


| No. | Lembangan Sungai  |
|-----|-------------------|
| 1.  | Sg. Perlis        |
| 2.  | Sg. Kerian        |
| 3.  | Sg. Kurau         |
| 4.  | Sg. Persik        |
| 5.  | Sg. Langat        |
| 6.  | Sg. Kesang        |
| 7.  | Sg. Muar          |
| 8.  | Sg. Johor         |
| 9.  | Sg. Sedili Besar  |
| 10. | Sg. Pahang        |
| 11. | Sg. Batang Kemeny |
| 12. | Sg. Padas         |

**NAWABS FASA 3 (RMK12)**

| No. | River Basin    |
|-----|----------------|
| 1.  | Sg. Bebar      |
| 2.  | Sg. Kuantan    |
| 3.  | Sg. Bentu      |
| 4.  | Sg. Dungun     |
| 5.  | Sg. Terengganu |
| 6.  | Sg. Kemaman    |
| 7.  | Sg. Golok      |
| 8.  | Sg. Selangor   |
| 9.  | Sg. Linggi     |
| 10. | Sg. Rompin     |
| 11. | Sg. Batu Pahat |

| No. | River Basin  |
|-----|--------------|
| 12. | Btg. Rajang  |
| 13. | Btg. Baram   |
| 14. | Btg. Oya     |
| 15. | Sg. Sarawak  |
| 16. | Btg. Sadong  |
| 17. | Btg. Terusan |
| 18. | Btg. Tatau   |
| 19. | Btg. Sua     |
| 20. | Sg. Niah     |
| 21. | Btg. Mukah   |

| No. | River Basin         |
|-----|---------------------|
| 22. | Btg. Luper          |
| 23. | Sg. Limbang         |
| 24. | Btg. Balingian      |
| 25. | Btg. Krian          |
| 26. | Btg. Kayan          |
| 27. | Sg. Kalabakan       |
| 28. | Sg. Kalumpang       |
| 29. | Sg. Sugut           |
| 30. | Trusan Kinabatangan |
| 31. | Sg. Segama          |



**50 main river basins out of 189 river basin in Malaysia (2016-2025)**

- Component :
1. Water Resource Study
  2. System Development, including DMSS
  3. Dissemination Tools
  4. Groundwater Exploration
  5. Upgrading Data Delivery System from other Agency

#### 7.8.4 Outcome Projek

NAWABS diwujudkan supaya risikan, penaksiran, agihan dan keseimbangan sumber air negara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan membekalkan maklumat ketersediaan sumber air serta **ramalan 2 bulan** dan **amanar 14 hari** ke hadapan.



### **7.8.5 Faedah Projek**

- 1) Pengurus Sumber Air cekap dan berkesan di lembangan-lembangan sungai yang terlibat dengan program NAWABS.
- 2) Memberi maklumat kepada NaDMA untuk tujuan hebahan.
- 3) Pengurangan kerugian kepada industri, tanaman dan haiwan ternakan
- 4) Persediaan awal kepada penduduk sekiranya berlaku catuan akibat kekurangan bekalan air domestik.
- 5) Pengurusan sumber air dapat dilaksanakan secara bersepada, implimentasi kepada Rang Undang-Undang, Dasar Sumber Air Negara serta dapat mencapai *Sustainable Development Goal* berkaitan air bersih.

# PENGURUSAN BANJIR

## 8.1 Peranan

Menyediakan khidmat kepakaran dalam pengurusan tebatan banjir serta melaksanakan program tebatan banjir untuk melindungi nyawa dan harta benda.

Jadual 8.1: Maklumat Umum

| Bil. | Perkara                 | Butiran  |
|------|-------------------------|--|
| 1.   | Kedudukan Malaysia      | Zon Equatorial (hujan yang lebat)                    |
| 2.   | Keluasan tanah Malaysia | 330,803 km persegi                                   |
| 3.   | Kawasan banjir          | 33,298 km persegi (10.1% daripada luas tanah negara) |

## 8.2 Kategori Banjir

- i) Banjir Monsun (*Monsoonal Flood*)  
Banjir yang disebabkan keamatian hujan yang tinggi dan berterusan (> 6 jam) pada musim monsoon timur laut/tengkujuh (Nov – Mac).
- ii) Banjir Kilat (*Flash Flood*)  
Banjir yang disebabkan keamatian hujan yang tinggi dan setempat (< 3 jam) mengakibatkan kenaikan dan penurunan air dalam masa yang singkat (<6 jam).
- iii) Banjir Air Pasang (*Tidal Flood*)  
Banjir yang disebabkan kenaikan air laut semasa air pasang dan melebihi aras air sungai.

## **8.3 Punca Berlakunya Kejadian Banjir**

### **8.3.1 Semula Jadi**

- Hujan yang lebat:
- Air pasang yang tinggi.
- Topografi

### **8.3.2 Aktiviti Manusia**

- Perubahan guna tanah dalam pembangunan
- Infrastruktur saliran tidak mencukupi
- Halangan pada sungai dan sistem saliran
- Pembuangan sampah sarap
- Pembangunan di kawasan dataran banjir
- Penyelenggaraan sungai dan sistem saliran tidak sempurna

## **8.4 Langkah- Langkah Mengurus Banjir**

### **8.4.1 Langkah Struktur**

- i) Pembinaan empangan tebatan banjir  
Contoh: Empangan Batu, Selangor
- ii) Pembinaan kolam takungan banjir  
Contoh: Kolam Takungan Batu Jinjang, KL
- iii) Pembinaan lencongan  
Contoh: Terowong SMART

- iv) Rumah pam  
Contoh: Rumah Pam Sungai Kemang, Johor
- v) Melebarkan dan mendalamkan sungai  
Contoh: Projek Tebatan Banjir Lembah Bertam
- vi) Pembinaan ban/benteng di tebing sungai  
Contoh: Projek Tebatan Banjir Lembah Bertam



Terowong Smart



Rumah Pam Sg. Kemang



Melebar dan mendalamkan Sg. Bertam




Pembinaan Ban/Benteng Bandar Pekan

#### 8.4.2 Langkah Bukan Struktur

- a) Kajian
  - i) Kajian Lembangan Sungai dan Tebatan Banjir
  - ii) Kajian Pelan Induk Saliran
- b) Peta Risiko Banjir



Peta banjir yang menunjukkan luas banjir



Peta risiko banjir yang menunjukkan luas dan kedalaman banjir bagi tempoh ulangan tertentu

- c) Pematuhan Kepada Undang-undang, Akta, dan Garis Panduan
- d) Kempen Kesedaran dan Program Pendidikan
- e) Ramalan dan Amaran Banjir
- f) Pengurusan Kawasan Tadahan Air
- g) Penempatan Semula Penduduk
- h) Pengkalisan Banjir (*flood proofing*)

## 8.5 Projek Utama

Jadual 8.2: Projek-projek Utama Yang Siap Dilaksanakan Dalam RMKe-10

| Bil | Nama Projek  | Kos Projek (RM) | Tahun Siap |
|-----|--|-----------------|------------|
| 1   | RTB Sungai Menggatal, Sabah                              | 15 juta         | 2012       |
| 2   | RTB Sungai Kuantan                                       | 8 juta          | 2012       |
| 3   | RTB Sungai Petagas, Sabah                                | 10 juta         | 2012       |
| 4   | RTB Bandar Pekan   | 80 juta         | 2012       |
| 5   | RTB Sungai Kesang, Melaka                                | 5 juta          | 2012       |
| 6   | RTB Bertam Kepala Batas                                  | 3 juta          | 2012       |
| 7   | RTB Sibu, Sarawak  | 138 juta        | 2012       |
| 8   | RTB Lembangan Sungai Muar                                | 60 juta         | 2013       |
| 9   | RTB Sungai Tebrau Dan Sungai Plentong                    | 7 juta          | 2013       |
| 10  | RTB Chukai   | 40 juta         | 2013       |
| 11  | RTB Sungai Pancuran Sabah                                | 8 juta          | 2013       |
| 12  | RTB Pelbagai Negeri (Parlimen)                           | 218 juta        | 2013       |
| 13  | RTB Sg. Kelantan   | 178 juta        | 2013       |
| 14  | RTB Sungai Linggi, Negeri Sembilan                       | 51 juta         | 2014       |
| 15  | RTB Bandaraya Kuching Fasa 3                             | 30 juta         | 2014       |
| 16  | Tebatan Banjir Di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam | 18 juta         | 2014       |
| 17  | RTB Selangor: MSC  | 100 juta        | 2014       |
| 18  | RTB Sibu Fasa 2  | 78 juta         | 2015       |
| 19  | RTB Lembangan Sungai Muar Fasa 2                         | 210 juta        | 2015       |
| 20  | RTB Kedah; Sungai Muda                                   | 1.4 bilion      | 2015       |

**Jadual 8.3: Projek-projek Utama Yang Siap Dilaksanakan Dalam RMKe-11**

| Bil | Nama Projek   | Kos Projek (RM) | Tahun Siap |
|-----|---|-----------------|------------|
| 1   | Projek Mengatasi Banjir Di Kuala Lumpur Pakej A (Smart)                                 | 338 juta        | 2016       |
| 2   | Rancangan Tebatan Banjir Sungai Besut Fasa 1 – Sg. Nail, Terengganu                     | 15 juta         | 2016       |
| 3   | Rancangan Tebatan Banjir Sungai Simin Pakej 2, Daerah Seremban                          | 39 juta         | 2016       |
| 4   | Rancangan Tebatan Banjir Sungai Linggi Fasa 3   | 63 juta         | 2016       |
| 5   | Rancangan Tebatan Banjir Tasek Gelugor  | 41 juta         | 2017       |
| 6   | Rancangan Tebatan Banjir (Rtb) Sungai Jimah, Mukim Jimah, Port Dickson, N. Sembilan     | 29 juta         | 2017       |
| 7   | Rancangan Tebatan Banjir Gemas  | 53 juta         | 2017       |
| 8   | Rancangan Tebatan Banjir Pelbagai (Negeri Sarawak)                                      | 169 juta        | 2017       |
| 9   | Rancangan Tebatan Banjir Kampung Sialang Dalam, Tangkak, Johor                          | 3 juta          | 2018       |
| 10  | Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kemang, Kota Tinggi                                     | 10 juta         | 2018       |
| 11  | Rancangan Tebatan Banjir Pelbagai (Negeri Sabah)  | 57 juta         | 2018       |
| 12  | Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muar, Johor   | 62 juta         | 2019       |
| 13  | Rancangan Tebatan Banjir Bandar Changloon, Daerah Kubang Pasu                           | 8.1 juta        | 2019       |
| 14  | Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa Ii, Pekan Pahang                             | 102.8 juta      | 2019       |
| 15  | Rancangan Tebatan Banjir Kg. Gajah – Dari Kg Pasir Kubu Ke Kg. Pasir Garam, Perak       | 12.1 juta       | 2019       |
| 16  | Rancangan Tebatan Banjir Kg. Gajah – Parit P4, Mukim Kg Gajah, Perak                    | 6.4 juta        | 2019       |
| 17  | Rancangan Tebatan Banjir Kg. Gajah – Dari Kg. Pulau Tiga Kiri Ke Kg. Kuala Parit, Perak | 9.5 juta        | 2019       |
| 18  | Kerja-Kerja Tebatan Banjir Dari Kg. Terengganu Ke Tcg T10-J, Teluk Intan, Perak         | 51 juta         | 2019       |
| 19  | Rancangan Tebatan Banjir Bintulu, Lembangan Sg. Kemeny, Sarawak                         | 27.1 juta       | 2019       |

## **8.6 Peta Hazard Banjir**

### **8.6.1 Latar Belakang**

Lanjutan daripada Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang bersidang pada 20 Ogos 2009 dan Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 4 Disember 2009 telah menganjurkan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia untuk menyediakan Peta Hazard Banjir bagi seluruh negara.

### **8.6.2 Pengenalan**

Peta Hazard Banjir merupakan satu peta yang telah dihasilkan menggunakan permodelan hidrodinamik yang menunjukkan keluasan dan kedalaman banjir berdasarkan kepada tempoh ulangan (ARI) tertentu. Dalam konteks JPS, peta ini juga merupakan sumber utama dalam menilai dan menterjemah risiko banjir dalam merangka dasar dan strategi pelaksanaan pembangunan dan pengurusan banjir termasuklah mengenalpasti lokasi potensi projek tebatan banjir; mengenalpasti lokasi dan kawasan banjir yang berlaku di seluruh negara; anggaran kesan dan penilaian kerosakan banjir; memberi kesedaran dan kesiapsiagaan penduduk bagi menghadapi risiko banjir dan dengan itu akan mengurangkan kerugian akibat banjir; dan penilaian pemilihan pusat pemindahan mangsa banjir. Sehingga kini, sebanyak 39 peta telah disiapkan.

### **8.6.3 Kegunaan Peta Hazard Banjir**

Pelbagai pihak telah menunjukkan minat yang tinggi untuk mendapatkan peta hazard banjir yang telah disediakan bagi pelbagai tujuan, sebagai contoh:

- a) Perancangan struktur-struktur tebatan banjir
- b) Analisa peta hazard banjir dengan mengintegrasikan maklumat Jabatan Perangkaan bagi memperolehi bilangan penduduk yang terlibat dengan banjir
- c) Jabatan Perancang Bandar dan Desa memerlukan peta hazard banjir bagi membantu perancangan penyediaan pelan pembangunan melalui Rancangan Struktur Negara
- d) Penyediaan Peta Pemindahan Banjir
- e) Penyediaan Peta Indeks Insurans Banjir
- f) Penyediaan Peta Risiko Banjir

**Jadual 8.4: Senarai Peta Hazard Banjir (RMKe-9 & RMKe-10)**

| Bil. | Peta Hazard                                    | Tahun Siap |
|------|--|------------|
| 1    | Peta Hazard Banjir Kluang, Johor               | 2010       |
| 2    | Peta Hazard Banjir Simpang Renggam, Johor      | 2010       |
| 3    | Peta Hazard Banjir Batu Pahat, Johor           | 2010       |
| 4    | Peta Hazard Banjir Muar, Johor                 | 2010       |
| 5    | Peta Hazard Banjir Mersing, Johor              | 2010       |
| 6    | Peta Hazard Banjir Sungai Johor, Johor         | 2010       |
| 7    | Peta Hazard Banjir Sungai Buloh, Selangor      | 2010       |
| 8    | Peta Hazard Banjir Sungai Damansara, Selangor  | 2010       |
| 9    | Peta Hazard Banjir Sungai Kuyoh, Selangor      | 2010       |
| 10   | Peta Hazard Banjir Sungai Pinang, Pulau Pinang | 2010       |
| 11   | Peta Hazard Banjir Pasir Mas, Kelantan         | 2010       |
| 12   | Peta Hazard Banjir Tanah Merah, Kelantan       | 2010       |
| 13   | Peta Hazard Banjir Beaufort, Sabah             | 2011       |
| 14   | Peta Hazard Banjir Tenom, Sabah                | 2011       |
| 15   | Peta Hazard Banjir Sook, Sabah                 | 2011       |
| 16   | Peta Hazard Banjir Moyog, Sabah                | 2011       |
| 17   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Muda, Kedah    | 2011       |
| 18   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Melaka, Melaka | 2012       |
| 19   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kesang, Melaka | 2012       |

| Bil. | Peta Hazard  | Tahun Siap |
|------|--|------------|
| 20   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Selangor, Selangor                   | 2012       |
| 21   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Labu, Sepang, Selangor               | 2012       |
| 22   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kerian, Perak                        | 2012       |
| 23   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kinta, Perak                         | 2012       |
| 24   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kedah, Kedah                         | 2012       |
| 25   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Pendang, Kedah                       | 2012       |
| 26   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Perlis & Sg Arau, Perlis             | 2012       |
| 27   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Linggi, Negeri Sembilan              | 2012       |
| 28   | Peta Hazard Banjir Wilayah Pembangunan Iskandar – Skudai, Johor      | 2012       |
| 29   | Peta Hazard Banjir Wilayah Pembangunan Iskandar - Sg Plentong, Johor | 2012       |
| 30   | Peta Hazard Banjir Wilayah Pembangunan Iskandar - Sg Melayu, Johor   | 2012       |
| 31   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Setiu, Terengganu                    | 2012       |
| 32   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Pahang, Pahang                       | 2013       |
| 33   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Linggi, Melaka                       | 2014       |
| 34   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Langat, Selangor                     | 2015       |
| 35   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kuantan, Pahang                      | 2015       |
| 36   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kemaman, Terengganu                  | 2015       |

**Jadual 8.5: Senarai Peta Hazard Banjir RMKe-11**

| Bil. | Peta Hazard                                 | Status             |
|------|---|--------------------|
| 1    | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Terengganu  | Siap - 2016        |
| 2    | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Pahang      | Siap - 2017        |
| 3    | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Kelantan    | Siap - 2017        |
| 4    | Peta Hazard Banjir Lembangan Sungai Perak   | Siap - 2018        |
| 5    | Peta Hazard Banjir Lembangan Sungai Bernam  | Siap - 2018        |
| 6    | Peta Hazard Banjir Lembangan Sg Duyong      | Dalam Perlaksanaan |
| 7    | Peta Hazard Banjir Sg Klang                 | Dalam Perlaksanaan |
| 8    | Peta Hazard Banjir Sg Merlimau              | Dalam Perlaksanaan |
| 9    | Peta Hazard Banjir Sg Kemasik               | Dalam Perlaksanaan |
| 10   | Peta Hazard Banjir Sg. Rompin               | Dalam Perlaksanaan |
| 11   | Peta Hazard Banjir Lembangan Sungai Kemaman | Dalam Perlaksanaan |

## 8.7 Terowong SMART

Kompedium 2020

m.s. 120

| 38. | <b>jps@komuniti</b><br>     | <b>jps@komuniti</b> adalah geoportal bagi isu-isu berkenaan 7 bidang utama di JPS. <b>jps@komuniti</b> dibangunkan menggunakan sistem ArcGIS online. Sistem ini memperkasakan Jurutera Daerah dalam pengurusan sumber air di peringkat sub lembangan sungai. Ia terbahagi kepada dua laporan iaitu Laporan DEEP dan Laporan Profil Daerah. Laporan DEEP (Dashboard) melaporkan status, lokasi, kos serta cadangan isu di dalam daerah manakala Laporan Profil Daerah (Story Map) memaparkan maklumat asas daerah. Mula digunakan pada 2019 dan tidak dibuka kepada awam dan hanya dipaparkan bagi pegawai JPS sahaja. | Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai |

| Bil | Nama Sistem   | Keterangan   | Penyelaras / Custodian                       |
|-----|---|--|--|
| 39. | <b>INFOMECH</b><br>  | INFOMECH merupakan sistem yang berfungsi sebagai satu platform berpusat bagi semua stesen hidromekanikal SCADA yang dikawal secara automatik. Stesen hidromekanikal ini terdiri daripada rumah pam, pintu kawalan air dan lain-lain. Sistem ini akan memberikan maklumat secara nyata ( <i>real time</i> ) dan data sejarah ( <i>historical data</i> ) stesen hidromekanikal secara bersepada kepada pengguna. Sejak tahun 2013, Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal secara konsisten telah naiktaraf stesen hidromekanikalnya dari operasi manual ke operasi automatik SCADA. Sejak itu lebih daripada 100 buah Pintu Kawalan Air dan lebih 10 Rumah Pam di seluruh negara telah dinaiktaraf menjadi fungsi automatik SCADA. | Bahagian Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal |
| 40. | <b>CMMS<br/>(Computerized Maintenance Management System)</b><br> | CMMS merupakan sistem yang berfungsi sebagai satu pengkalan data sumber maklumat pemeriksaan, pemantauan dan penyelenggaraan yang lengkap. Sistem ini dapat memberikan cara yang cepat dan mudah untuk melapor, merekod dan merancang penyelenggaraan stesen hidromekanikal secara bersistematis. Ia telah digunakan sejak tahun 2013 sehingga kini.   | Bahagian Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal |

| Bil | Nama Sistem  | Keterangan   | Penyelaras / Custodian            |
|-----|--|--|-----------------------------------|
| 41. | <b>Debris and Mudflow Warning System (DMFWS)</b><br>    | <p>This webpage is generated from the study of the development of debris and mudflow prediction and warning system (DMFWS) based on existing rainfall data in Cameron Highlands following the guidelines and methodology provided during the Hydrology Component Workshop.</p> <p>The main objectives of the DMFWS is to provide advance warning to the public and relevant agencies for disaster relief on the possibility of occurrence of an impending landslide or mudflow in high-risk and sensitive areas, like cut shapes of highway and recreation areas. The DMFWS is able to alert the appropriate agencies for disaster relief.</p> | Humid Tropics Centre (HTC)        |
| 42. | <b>Integrated Water Resources Management (IWRM)</b><br> | Sistem repository kepada maklumat-maklumat sumber air hasil daripada kajian-kajian dan projek-projek yang dilaksanakan didalam negara  | Bahagian Sumber Air Dan Hidrologi |

| Bil | Nama Sistem   | Keterangan   | Penyelaras / Custodian                 |
|-----|---|--|--|
| 43. | Sistem Pengurusan Rangkaian Hidrologi Nasional<br><br> | Kami menyediakan perkhidmatan pembekalan data hidrologi terdiri dari data hujan, aras air, enapan ampuai sungai, sejatan dan kualiti air. Terdapat lebih dari 1,700 stesen hidrologi seluruh Malaysia yang pengurusan datanya mendapat pengiktirafan persijilan MS ISO 2001:2008. Data hidrologi dibekalkan kepada pelajar, penyelidik, Jabatan Kerajaan, syarikat swasta, perunding, dan kontraktor   | Bahagian Sumber Air Dan Hidrologi      |
| 44. | New Public Info Banjir<br><br>                         | Sistem Infobanjir ini berfungsi dengan menghimpunkan maklumat hujan dan aras air secara real-time daripada hampir 200 stesen hidrologi di seluruh negara. Data hidrologi daripada setiap stesen cerapan di hantar ke Pangkalan Data Telemetri di setiap negeri dan seterusnya dihantar ke Infobanjir. Pada peringkat permulaan, sistem infobanjir beroperasi secara dalaman iaitu maklumat hujan dan aras air akan dipantau oleh pegawai-pegawai JPS sahaja. | Pusat Ramalan Dan Amaran Banjir Negara |
| 45. | mySMS/myMMS<br><br>                                    | Sistem ini berfungsi sebagai hebahan operasi terowong SMART, memantau serta menyalurkan aduan awam terhadap JPS.   | Bkor / Pusat Kawalan SMART             |

## 17.4 Kemudahan E-mel

MAMPU menetapkan penggunaan e-mel 1GovUC bagi pegawai seperti di jadual 17.2:

**Jadual 17.2: Kemudahan E-mel**


| Kumpulan Pengguna     | Kuota Simpanan | Fail Kepilan  |
|-----------------------|----------------|---------------|
| <b>VIP</b>            |                |               |
| • Gred 54 ke atas     | 4 GB           | Sehingga 10MB |
| <b>PENGGUNA BIASA</b> |                |               |
| • Gred 53 ke bawah    | 2 GB           | Sehingga 10MB |

## **MyGov\*Net**

Rangkaian MyGov\*Net adalah merupakan jaringan kemudahan rangkaian yang disediakan dan dikawalselia oleh pihak MAMPU. JPS Malaysia adalah merupakan salah satu Agensi/Badan Kerajaan yang menggunakan kemudahan ini. Berikut adalah Bahagian/Pejabat Projek/Institut Latihan/Unit di bawah JPS Malaysia yang menggunakan kemudahan rangkaian MyGov\*Net:

- 1) Ibu Pejabat JPS Malaysia dan JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- 2) Pusat Kawalan SMART, Kuala Lumpur;
- 3) Pejabat Lembangan Sungai Klang (beserta Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal Kuala Lumpur), Selangor;
- 4) Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal Ipoh dan Institut Pembangunan Modal Insan Zon Utara, Perak;
- 5) JPS Ampang (Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Institut Pembangunan Modal Insan Zon Tengah);
- 6) JPS Labuan;
- 7) UPPP Pahang;
- 8) UPPP Terengganu;
- 9) UPPP Kelantan;
- 10) Institut Pembangunan Modal Insan Zon Timur, Kota Bharu, Kelantan;
- 11) Bahagian Pusat Serantau & Tropika Lembab (HTC), Kuala Lumpur;
- 12) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda, Kedah;
- 13) Pejabat Jurutera Projek Rancangan Pengairan Muda, Kedah; dan
- 14) Pejabat Pegawai Pengguna dan Pusat Kawalan SCADA, Perlis
- 15) Stesen L5 DRS, Kuala Lumpur;
- 16) Stesen L10 Taman Desa, Kuala Lumpur;
- 17) Stesen Hidrologi Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur;
- 18) Motorway Control Center (MCC) Jalan Davis, Kuala Lumpur;

Gambarajah 17.1: Rangkaian JPS\*Net



1 GOV\*Net - JPS

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## 18.1 Peranan

Membangunkan kompetensi warga kerja melalui latihan yang disokong oleh infrastruktur dan kemudahan yang terbaik, meningkatkan kompetensi melalui pendedahan kepada teknologi terkini dan amalan terbaik, memantapkan kompetensi melalui program kemajuan kerjaya yang berkesan, menilai kompetensi bagi membantu proses pengesahan, kenaikan pangkat dan pengiktirafan warga kerja serta melaksanakan program latihan antarabangsa bagi Negara membangun.

BPMI mempunyai TIGA (3) institut latihan iaitu:

- i) Institut Pembangunan Modal Insan Zon Tengah (IPMI Zon Tengah)
- ii) Institut Pembangunan Modal Insan Zon Utara (IPMI Zon Utara)
- iii) Institut Pembangunan Modal Insan Zon Timur (IPMI Zon Timur)



## 18.1 Kemudahan dan Prasarana Pusat-Pusat Latihan

Jadual 18.1: Kemudahan dan Prasarana Pusat-Pusat Latihan

| Bil | Perkara                        | IPMI Zon Tengah                    | IPMI Zon Utara             | IPMI Zon Timur            |
|-----|--------------------------------|------------------------------------|----------------------------|---------------------------|
| 1.  | Dewan Kuliah                   | 1                                  | 2                          | 2                         |
| 2.  | Bilik Kuliah / Makmal komputer | 3                                  | -                          | 1                         |
| 3.  | Auditorium                     | 1                                  | -                          | -                         |
| 4.  | Bilik Mesyuarat                | 3                                  | 1                          | 2                         |
| 5.  | Bilik Asrama                   | 60                                 | 20                         | 45                        |
| 6.  | Dewan Makan                    | 1                                  | 2                          | 1                         |
| 7.  | Perpustakaan                   | 0                                  | 0                          | 1                         |
| 8.  | Surau                          | 1                                  | 1                          | 1                         |
| 9.  | Sukan & Rekreasi               | 1G/ 1BS/ 2B/ 3F/ 2T/ 1BJ/ 1BT/ 2ST | 1B/ 1F/ 1T/ 1BJ            | 1G/ 4B/ 1BT/ 1T           |
| 10. | Pengangkutan                   | 1BL/ 2BS/ 2 4WD/ 1V                | 1BL/ 1V/ 1Pr/ 2 4WD/ 1 CRV | 1BL/ 2BS/ 1Pr/ 2 4WD/ 1PU |

**Petunjuk: Sukan & Rekreasi**

G: Gimnasium  
 BS: Padang Bola Sepak  
 B: Gelanggang Badminton  
 F: Gelanggang Futsal  
 T: Gelanggang Tenis  
 BJ: Gelanggang Bola Jaring  
 BT: Gelanggang Bola Tambar  
 ST: Gelanggang Sepak Takraw  
 A: Auditorium

**Petunjuk: Pengangkutan**

BL: Bas Panjang (40 muatan)  
 BS: Bas Pendek (18 hingga 25 muatan)  
 Pr: Preve  
 CRV: Honda CR-V  
 4WD: Pacuan 4 roda  
 V: Van  
 W: Wira/ Waja  
 C: Coaster  
 PU: Pick-up  
 P: Pajero 186

## Gambar Kemudahan dan Prasarana Pusat-Pusat Latihan



Karters (IPMI Timur)



Asrama (IPMI Timur)



Asrama VIP (IPMI Utara)



Landskap (IPMI Utara)



Auditorium (IPMI Tengah)



Asrama (IPMI Tengah)



Gelanggang Futsal (IPMI Tengah)



Dewan Kuliah (IPMI Tengah)



Surau (IPMI Tengah)



Perpustakaan (IPMI Timur)



Bilik komputer (IPMI Timur)



Dewan Kuliah (IPMI Timur)



Dewan Kuliah (IPMI Utara)



Bilik Asrama (IPMI Utara)




Dewan Makan (IPMI Utara)

## 18.2 Perlaksanaan kursus

### a) Perlaksanaan Kursus Berjadual

Kursus Berjadual yang disusun oleh BPMI bermatlamat untuk memantapkan kompetensi warga kerja Jabatan ke tahap cemerlang yang merangkumi aspek-aspek Teknikal (*Technical*), Teknikal Generik (*Technical Generic*), Fungsian (*Functional*), Keperibadian (*Behavioral*), Generik (*Generic*), Teknologi Komunikasi dan Maklumat (*Information & Communication Technology*) dan Bahasa (*Language*) yang diperlukan oleh warga kerja untuk melaksanakan tugas harian dengan berkesan dan cekap. Graf dan Jadual di bawah menunjukkan jumlah kursus yang dijalankan bagi tahun 2011-2019:

Graf 18.1: Bilangan Kursus Berjadual Tahun (2011-2019)




**Jadual 18.2: Bilangan Kursus Berjadual Mengikut Tahun**

| <i>Tahun</i> | <i>IPMI Zon Tengah</i> | <i>IPMI Zon Utara</i> | <i>IPMI Zon Timur</i> | <i>Jumlah</i> |
|--------------|------------------------|-----------------------|-----------------------|---------------|
| 2011         | 18                     | 15                    | 18                    | 51            |
| 2012         | 24                     | 25                    | 18                    | 67            |
| 2013         | 25                     | 24                    | 20                    | 69            |
| 2014         | 26                     | 20                    | 25                    | 71            |
| 2015         | 25                     | 17                    | 24                    | 66            |
| 2016         | 15                     | 15                    | 16                    | 46            |
| 2017         | 10                     | 10                    | 10                    | 30            |
| 2018         | 10                     | 10                    | 10                    | 30            |
| 2019         | 12                     | 12                    | 12                    | 36            |

b) **Kursus Luar Jadual**

BPMI juga turut melaksanakan Kursus Luar Jadual dalam usaha untuk meningkatkan kompetensi serta pengetahuan pegawai seiring dengan matlamat Jabatan. Graf dan Jadual di bawah menunjukkan jumlah kursus yang dijalankan bagi tahun 2012-2019:

Graf 18.2: Kursus Luar Jadual (2012-2019)



c) **Kursus Antarabangsa**

BPMI melalui IPMI Zon Tengah juga melaksanakan Kursus Antarabangsa di bawah Program *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) dengan peruntukan kursus ditaja oleh Bahagian Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa, Kementerian Luar Negeri (KLN).

**Jadual 18.3: Senarai Kursus Antarabangsa**

| Tahun | Tajuk Kursus   | Bil Peserta | Negara Peserta  |
|-------|--|-------------|---|
| 2013  | 5th <i>Flood Mitigation and Stormwater Management</i> 2013<br>4 – 15 November 2013 | 12          | Indonesia, Filipina, Vietnam, Laos, Thailand  |
| 2015  | 6th <i>Flood Mitigation and Stormwater Management</i> 2015<br>17 – 28 Ogos 2015    | 18          | Turki, Sudan, Filipina, Mauritius, Sri Lanka, Kembuja, Samoa, Fiji, Thailand, Indonesia, Malaysia   |
| 2017  | 7th <i>Flood Mitigation and Stormwater Management</i> 2017<br>12 – 27 Ogos 2017    | 14          | Azerbaijan, Bahrain, Fiji, Georgia, Jamaica, Lao, PDR, Maldives, Nepal, Papua New Guinea, Filipina, Timor Leste, Zimbabwe, Arab Saudi, Malaysia |

d) **Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Pembelajaran Sepanjang Hayat merupakan program yang dilaksanakan untuk memberi pengetahuan mengenai ilmu semasa dan juga teknikal untuk pegawai di Jabatan. Berikut merupakan senarai program yang dilaksanakan bagi tahun 2016-2019.

**Jadual 18.4: Bilangan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bagi Tahun 2016-2019.**

| Bil | Tahun | Bilangan PSH |
|-----|-------|--------------|
| 1.  | 2016  | 7            |
| 2.  | 2017  | 9            |
| 3.  | 2018  | 10           |
| 4.  | 2019  | 10           |

### **18.3 Penilaian Kompetensi**

Bagi tujuan peningkatan kompetensi pegawai JPS, beberapa program telah dilaksanakan oleh BPMI untuk menilai kompetensi pegawai JPS. Antaranya adalah dengan melaksanakan Peperiksaan Perkhidmatan Subjek bagi Penolong Jurutera JA29 dan juga Program Transformasi Minda yang diwajibkan untuk semua pegawai lantikan baru dan bertujuan untuk pengesahan jawatan.

**Jadual 18.5: Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan bagi Penolong Jurutera JA29**

| BIL | TAHUN | TARIKH        | JUMLAH CALON |
|-----|-------|---------------|--------------|
| 1.  | 2015  | 24 Mac 2015   | 79           |
| 2.  | 2016  | 24 Mei 2016   | 23           |
| 3.  | 2017  | 25 April 2017 | 42           |
| 4.  | 2018  | 16 Mei 2018   | 109          |
| 5.  | 2019  | 2 Mei 2019    | 85           |

**Jadual 18.6: Program Transformasi Minda (PTM)**


| BIL | TAHUN | TARIKH                | TEMPAT     |
|-----|-------|-----------------------|------------|
| 1.  | 2016  | 14 - 18 November 2016 | JPS Ampang |
| 2.  | 2017  | 23 - 27 Oktober 2017  | JPS Ampang |
| 3.  | 2018  | 2 - 6 April 2018      | JPS Ampang |
| 4.  | 2019  | 22- 26 April 2019     | JPS Ampang |

## 18.4 Kemajuan Kerjaya dan Pembangunan Kepakaran

Bagi tujuan kemajuan kerjaya dan meningkatkan kepakaran, JPS melalui BPMI menggalakkan pegawai-pegawai mengikuti pengajian lanjutan peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) berdasarkan bidang penghususan. Selain itu, untuk mengiktiraf pegawai-pegawai yang memiliki kepakaran yang tinggi dan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016: Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, JPS telah memperkenalkan program Jurutera Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert).

### a) Pengajian Lanjutan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran

Berikut merupakan jadual dan graf menunjukkan bilangan pegawai yang memiliki Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.



**Jadual 18.7: Bilangan Pegawai Yang Memiliki Ijazah Sarjana Dan Ijazah Kedoktoran**

| Bil | Bidang                                 | Sub Bidang                                      | Status Bilangan Pegawai Sehingga 31 Dis 2019 |           |
|-----|--|---|--|-----------|
|     |  |   | Ph.D   | MSc       |
| 1   | Pengurusan Banjir                      | <i>Flood Risk Management</i>                    | 1  | 4         |
|     |  | Risiko Bencana                                  | -  | 2         |
|     |  | <b>Jumlah</b>                                   | <b>1</b>                                     | <b>6</b>  |
| 2   | Pengurusan Sumber Air<br>Dan Hidrologi | <i>Hydrology</i>                                | 5  | 10        |
|     |  | <i>Water Engineering</i>                        | 1  | 21        |
|     |  | <i>Water Resources Development</i>              | -  | 21        |
|     |  | <i>Flood and Drought Forecasting</i>            | -  | -         |
|     |  | <i>Water Resources Policies and Legislation</i> | -  | -         |
|     |  | <b>Jumlah</b>                                   | <b>6</b>                                     | <b>52</b> |
| 3   | Pengurusan Lembangan                   | <i>River Engineering</i>                        | 1  | 6         |
|     |  | <i>Environmental Engineering</i>                | -  | 14        |
|     |  | <i>Water Quality</i>                            | -  | -         |
|     |  | <i>Sediment Transport</i>                       | -  | -         |
|     |  | <b>Jumlah</b>                                   | <b>1</b>                                     | <b>20</b> |

| Bil | Bidang                                | Sub Bidang                                     | Status Bilangan Pegawai<br>Sehingga 31 Dis 2019 |           |
|-----|---------------------------------------|--|---|-----------|
|     |                                       |  | Ph.D  | MSc       |
| 4   | Pengairan dan Saliran Pertanian       | <i>Agricultural Engineering</i>                | 1   | -         |
|     |                                       | <i>Irrigation Engineering</i>                  | -   | 1         |
|     |                                       | <b>Jumlah</b>                                  | <b>1</b>  | <b>1</b>  |
| 5   | Kejuruteraan Pantai/ Samudera         | <i>Coastal Zone Management</i>                 | -   | -         |
|     |                                       | <i>Cosalatal and Maritime Engineering</i>      | -   | 4         |
|     |                                       | <i>Ocean Engineering</i>                       | -   | 1         |
|     |                                       | <b>Jumlah</b>                                  | <b>0</b>  | <b>5</b>  |
| 6   | Struktur dan Geoteknik                | <i>Construction and Structural Engineering</i> | -   | 16        |
|     |                                       | <i>Dam Engineering</i>                         | -   | 1         |
|     |                                       | <i>Geotechnical Engineering</i>                | -   | 7         |
|     |                                       | <i>Highway and Transportation Engineering</i>  | -   | 4         |
|     |                                       | <i>Hydraulic Structures</i>                    | -   | -         |
|     |                                       | <b>Jumlah</b>                                  | <b>0</b>  | <b>28</b> |
| 7   | Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal | <i>Hydro-Mechanical</i>                        | -   | 4         |
|     |                                       | <i>Mechatronic</i>                             | -   | 1         |
|     |                                       | <i>Occupational Safety and Health</i>          | -   | 4         |
|     |                                       | <i>Metallurgy</i>                              | -   | -         |
|     |                                       | <i>System and Instrumentation</i>              | -   | -         |
|     |                                       | <b>Jumlah</b>                                  | <b>0</b>  | <b>9</b>  |

| Bil                       | Bidang                          | Sub Bidang  | Status Bilangan Pegawai<br>Sehingga 31 Dis 2019 |            |
|---------------------------|---------------------------------|---|---|------------|
|                           |                                 |   | Ph.D  | MSc        |
| 8                         | Geoinformatic                   | <i>Information Technology</i>                           | -   | 5          |
|                           |                                 | <i>Database Programming and Development</i>             | -   | -          |
|                           |                                 | <i>Geographical Information System Management (GIS)</i> | -   | 3          |
|                           |                                 | <b>Jumlah</b>   | <b>0</b>  | <b>8</b>   |
| 9                         | Pengurusan Projek/<br>Pembinaan | <i>Construction Management</i>                          | 1   | 10         |
|                           |                                 | <i>Technology Management</i>                            | -   | -          |
|                           |                                 | <i>Project Management</i>                               | 1   | 7          |
|                           |                                 | <b>Jumlah</b>   | <b>2</b>  | <b>17</b>  |
| 10                        | Sains Pengurusan                | Sains Pengurusan  | -   | 2          |
|                           |                                 | <b>Jumlah</b>   | <b>0</b>  | <b>2</b>   |
| 11                        | Lain-lain                       | <i>Land Drainage</i>                                    | -   | -          |
|                           |                                 | <i>Stormwater Management</i>                            | 1   | 1          |
|                           |                                 | <b>Jumlah</b>   | <b>1</b>  | <b>1</b>   |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |                                 |   | <b>12</b>                                       | <b>149</b> |

b) **Pakar Bidang Khusus Jabatan (*Subject Matter Expert*)**

Program ini diperkenalkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016: Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Sehingga 2019, JPS mempunyai dua (2) orang jurutera yang telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai Pakar Bidang Khusus serta tujuh (7) orang jurutera yang telah dilantik sebagai Pakar Rujuk selaras dengan Surat Pekeliling JPS Bilangan 3 Tahun 2017, Perkara (19). Dengan adanya program ini, iaanya akan mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar/ perunding dalam melaksanakan program dan projek Jabatan. Senarai jurutera yang telah dilantik adalah seperti yang tertera di bawah.

**Pakar Bidang Khusus (JPA)**

- |     |                                      |   |
|-----|--------------------------------------|---|
| i)  | Ir. Arman Bin Mokhtar                | : Bidang <i>Coastal Engineering</i>             |
| ii) | Ir. Dr. Asnor Muizan bin Dato' Ishak | : Bidang <i>Water Resources &amp; Hydrology</i> |

**Pakar Rujuk Jabatan**

- |      |  |   |
|------|--|---|
| i)   | Dato' Ir. Hj. Abdullah Bin Isnin         | : Bidang <i>Urban Stormwater Management</i> |
| ii)  | Dato' Ir. Hj. Nor Hisham Bin Ghazali     | : Bidang <i>Coastal</i>                     |
| iii) | Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir Bin Md. Noh  | : Bidang <i>River Engineering</i>           |
| iv)  | Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Anuar Bin Othman | : Bidang <i>Project Management</i>          |
| v)   | Ir. Hj. Ahmad Bin Darus                  | : Bidang <i>River Engineering</i>           |
| vi)  | Dato' Ir. Hj. Jamil Bin Shaari           | : Bidang <i>Irrigation</i>                  |
| vii) | Ir. Hjh. Anita Binti Ainan               | : Bidang <i>Stormwater Management</i>       |

# AUDIT PRESTASI

## 19.1 Peranan

Memastikan pelaksanaan pengurusan projek yang cekap dan berkesan melalui pengauditan prestasi projek mengikut standard yang ditetapkan serta memperkasakan kecemerlangan organisasi melalui pelaksanaan sistem penyampaian yang menepati elemen-elemen kualiti, transformasi, pematuhan, inovasi dan pengurusan harta intelek.

Pengauditan merupakan suatu kaedah untuk menilai semula sistem dan proses sedia ada agar apa jua kelemahan yang timbul dapat diperbaiki dan diatasi. Selain itu, pengauditan bertujuan untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dapat dicapai dan tadbir urus yang terbaik di kalangan Perkhidmatan Awam dapat dilaksanakan. Tadbir urus yang terbaik perlu memberi penumpuan terhadap dua (2) aspek seperti berikut:

- a) Prestasi, di mana pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan seperti yang diharapkan oleh *stakeholders* di samping memastikan *value for money* dan pengurangan pembaziran sumber/dana; dan
- b) Pematuhan, di mana setiap Agensi mematuhi undang-undang, peraturan, piawaian yang diguna pakai dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta kewajipan perkongsian maklumat secara telus.

Pengauditan perlu dilaksanakan secara profesional dan bebas berpandukan kepada prinsip *value for money*. Prinsip *value for money* yang berteraskan elemen 3E iaitu ekonomi, efektif dan efisien sentiasa ditekankan disamping *outcome* dan impak positif bagi setiap peruntukan yang dibelanjakan.

Pengauditan yang dijalankan adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis Pengauditan           | Bilangan Aktiviti |      |      |      |
|-----|-----------------------------|-------------------|------|------|------|
|     |                             | 2016              | 2017 | 2018 | 2019 |
| 1   | Audit Projek KPI YB Menteri | 2                 | 1    | 0    | 0    |
| 2   | Audit Pematuhan             | 0                 | 1    | 0    | 2    |
| 3   | Audit Penampilan            | 2                 | 0    | 1    | 2    |
| 4   | Audit Prestasi Projek       | 3                 | 3    | 11   | 6    |
| 5   | Audit ICT                   | 1                 | 1    | 1    | 0    |
| 6   | Susulan Audit               | 0                 | 1    | 0    | 0    |
| 7   | Audit Forensik              | 3                 | 0    | 0    | 0    |
|     | Jumlah                      | 11                | 7    | 13   | 10   |

Berikut adalah senarai projek-projek yang diaudit bagi tahun 2016 hingga 2019 :-

| Bil.              | Tajuk   | Jenis Pengauditan | Tarikh           |
|-------------------|---|-------------------|------------------|
| <b>Tahun 2016</b> |   |                   |                  |
| 1.                | RTB Sungai Bunus W.P Kuala Lumpur Membina dan Menyiapkan <i>Online Storage</i> Sg. Air Panas serta Kerja-Kerja Berkaitan W.P. K.L   | Prestasi          | 1 – 3 Mac 2016   |
| 2.                | Pengauditan Prestasi Projek Mencegah Hakisan Pantai di Pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu (Fasa 2) Terengganu (Tawaran Semula)   | Prestasi          | 14 – 16 Mac 2016 |
| 3.                | Kegagalan Struktur <i>Pump Sump</i> Bagan Samak dan Struktur <i>L-Shape Retaining Wall</i> di Rumah Pam Parit Nibong  | Forensik          | 18 Mac 2016      |
| 4.                | Projek Menaiktaraf Sungai Tanjung Pauh (Ch12600–Ch25100), Menaiktaraf Terusan Utara MADA (Ch0A–Ch7400A) dan Menaiktaraf Sg. Anak Bukit (Ch1750–Ch4600) serta Kerja-Kerja Berkaitan, RTB Sg. Kedah/Anak Bukit, Kedah | Prestasi          | 26 April 2016    |
| 5.                | Projek Cadangan Membina dan Menyiapkan <i>Collapsible Weir</i> di Bawah Kerja-Kerja Pengindahan Sungai Bagi Projek River Of Life (RoL)-Pakej 1 (D4)   | Forensik          | 17 Jun 2016      |
| 6.                | Projek RTB Lembangan Sg. Kerian – Kerja-Kerja Membina 3 Buah Rumah Pam serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Daerah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman – JPS/IP/PB/17/2013  | Forensik          | -                |
| 7.                | Pengauditan Perisian <i>Modelling Infoworks</i> dan <i>Floodworks</i>   | ICT               | -                |
| 8.                | Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan (JPS/IP/BSMA/02/2013)   | Penampilan        | -                |

| Bil.              | Tajuk   | Jenis Pengauditan | Tarikh                |
|-------------------|---|-------------------|-----------------------|
| 9.                | Perolehan Supply, Install, Testing And Commissioning Of The Instrumentation Monitoring System For The Stormwater Management Infrastructure of The Upper Sg. Ramal Catchment At Ladang Ternakan Kolam Takungan UPM, Daerah Hulu Langat                                   | Penampilan        | -                     |
| 10.               | Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa II – Pembinaan Levee Sungai Pahang  | Projek KPI        | -                     |
| 11.               | Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Darau, Kpg Pulutan (Ch 0.0m – Ch. 1760m, Negeri Sabah  | Projek KPI        | -                     |
| <b>Tahun 2017</b> |   |                   |                       |
| 12.               | Projek Menaiktaraf Sungai Tanjung Pauh (Ch12600 – Ch25100), Menaiktaraf Terusan Utama dan Terusan Utara Mada (Ch0A – Ch7400A) dan Menaiktaraf Sungai Anak Bukit (Ch1750 – Ch4600) Serta Kerja-Kerja Berkaitan, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/ Anak Bukit, Kedah | Susulan Audit     | 26 – 27 Februari 2017 |
| 13.               | Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa II – Pembinaan Levee Sungai Pahang  | Prestasi          | 21 – 23 Mac 2017      |
| 14.               | Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan, Pekan Pahang Fasa II Kerja-Kerja Menaiktaraf Ban Selatan, Parit Utama, Sungai Air Hitam, Pembinaan Penyambung Ketapang, Struktur Kawalan Sungai Mat Dulang, Parit Kuliah, Sungai Air Tawar dan Kerja-Kerja Berkaitan      | Prestasi          | 16 – 18 Mei 2017      |
| 15.               | Projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Tidal Gate dan Pumping Station serta Kerja-Kerja Berkaitan di Sg. Kemang, Kota Tinggi, Johor  | Projek KPI        | 27 – 28 Ogos 2017     |

| Bil.              | Tajuk   | Jenis Pengauditan | Tarikh                    |
|-------------------|---|-------------------|---------------------------|
| 16.               | Projek Pemulihan Muara Sungai Pahang (Fasa 3) Paket 2, Daerah Pekan, Pahang – Merekabentuk dan Membina Kerja-Kerja Membaikpulih Muara Sungai Sekitar Kuala Sungai Pahang, Pahang Darul Makmur Fasa 4 Secara Rundingan Terus | Prestasi          | 26 – 28 September 2017    |
| 17.               | Perolehan Peralatan ICT Bagi Menyokong Pembangunan Modal Insan dan Persediaan Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Air   | ICT               | 8, 9 dan 14 November 2017 |
| 18.               | Manual Prosedur Kerja (MPK) Dan Fail Meja (FM) Ibu Pejabat, JPS Malaysia  | Pematuhan         | 14 – 16 November 2017     |
| <b>Tahun 2018</b> |   |                   |                           |
| 19.               | Projek Menaiktaraf Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS) Sebagai Pusat Kecemerlangan Latihan Pengurusan Alam Sekitar   | Prestasi          | 10-12 Januari 2018        |
| 20.               | Projek Pintasan Banjir, Pintu Kawalan Pasang Surut dan Kerja-Kerja Berkaitan Bagi Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sg. Kesang   | Prestasi          | 27 Februari – 1 Mac 2018  |
| 21.               | Projek Menyiapkan Baki Kerja Projek Pembersihan dan Pengindahan Sg. Melaka, Melaka Parcel 2-Paket 1   | Prestasi          | 26 – 30 Mac 2018          |
| 22.               | Projek Saliran Mesra Alam di Sebahagian Kawasan Parit Batu 7 (Anak Sungai Sibuga) Sandakan Sabah  | Prestasi          | 17 – 20 April 2018        |
| 23.               | Pembinaan Lencongan Banjir dari Ch 3050 ke Ch. 4800 Termasuk Terowong dan Kerja-Kerja Berkaitan, Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh, Perlis. (Paket 3a)   | Prestasi          | 24 -26 April 2018         |

| Bil. | Tajuk  | Jenis Pengauditan | Tarikh                |
|------|--|-------------------|-----------------------|
| 24.  | Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di RWTP dan Kolam Takungan Bagi Rol Sungai Kerayong, Kuala Lumpur   | Prestasi          | 5 – 6 Jun 2018        |
| 25.  | Projek Pembangunan Pusat Penyelamat Hidupan Liar (NWRC) Fasa III di Sungkai, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan untuk Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)   | Prestasi          | 3 – 5 Julai 2018      |
| 26.  | <i>Supply, Delivery, Testing &amp; Commissioning Of Acoustic Type Hydraulic Power Pack, Submersible Pump And All Related Accessories To Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal, JPS Malaysia</i>   | Prestasi          | 24 – 25 Julai 2018    |
| 27.  | Projek Pembinaan Stesen Hidrologi, Telemetri, Siren dan Rangkaian Komunikasi serta Kerja-Kerja Berkaitan di Lembangan Sungai Pahang  | ICT               | 15 – 30 Ogos 2018     |
| 28.  | Membekal, Menghantar, Memasang, Membangun, Menguji, Mentaulih dan Menjayajalan Sistem Pengurusan Maklumat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (SPMRABN) Fasa 1  | ICT               | 5 – 6 September 2018  |
| 29.  | Kerja Ukur Kejuruteraan dan Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah bagi Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman, Kemaman, Terengganu  | ICT               | 15 – 16 November 2018 |
| 30.  | Projek Mencegah Banjir Di Kawasan Utama Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu 15 – 16 November 2018   | Perunding         | 2 – 4 Oktober 2018    |
| 31.  | Pengauditan Penggunaan Buku Harian Tapak Bina (BHTB), Pengurusan Program Kerja Dan Pengurusan Kenderaan Dan Peralatan Projek Secara Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) bagi Projek-Projek Persekutuan di Bawah Pelaksanaan JPS Negeri Selangor | Penampilan        | 15 – 16 November 2018 |

| Bil.              | Tajuk   | Jenis Pengauditan | Tarikh  |
|-------------------|---|-------------------|---|
| <b>Tahun 2019</b> |   |                   |   |
| 32.               | Pengauditan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Muar, Johor: Pembinaan Pintasan Tanjung Olak di Sungai Muar Dan Kerja-Kerja Berkaitan (Tawaran Semula)  | Prestasi          | 24 - 27 September 2019                        |
| 33.               | Audit Penampilan ICT (Software)   | Penampilan        | 13, 18 dan 19 November 2019                   |
| 34.               | Projek Menaiktaraf Dan Program Enrichment Ekshibit Reptilia untuk Mematuhi Peraturan serta Kerja-Kerja Berkaitan di Zoo Negara, Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan                        | Prestasi          | 19 hingga 21 Februari 2019 dan 1 & 4 Mac 2019 |
| 35.               | Pengauditan Kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Kuantan, Pahang  | Prestasi          | 1, 4 dan 5 November 2019                      |
| 36.               | Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Linggi Fasa 4, Negeri Sembilan - Kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Dan Kerja-Kerja Berkaitan Dari Ch. 35,000 hingga Ch. 45,000 (Tawaran Semula) | Prestasi          | 3 hingga 6 September 2019                     |
| 37.               | Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bunus Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Membina dan Menyiapkan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Pulapol Kuala Lumpur                        | Prestasi          | 19 hingga 21 Mac 2019                         |
| 38.               | Pengauditan Tatacara Perolehan Kerja Secara Sebut Harga bagi Semua Daerah di Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah   | Pematuhan         | 5 dan 6 Mac 2019                              |
| 39.               | Pengauditan Tatacara Perolehan Kerja Secara Sebut Harga bagi Semua Jajahan di Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan   | Pematuhan         | 3 hingga 5 September 2019                     |
| 40.               | Pengauditan Kajian Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Perlis   | Prestasi          | 26 Jun 2019                                   |

| Bil. | Tajuk  | Jenis Pengauditan | Tarikh                  |
|------|--|-------------------|-------------------------|
| 41.  | Penampilan Audit Kenderaan Projek Melalui Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) | Penampilan        | 23 hingga 25 April 2019 |

Selain daripada melaksanakan pengauditan secara dalaman diperingkat Jabatan, Bahagian Audit Prestasi juga bertanggungjawab terhadap aktiviti pengauditan susulan yang dijalankan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Jabatan Audit Negara (JAN). Aktiviti yang terlibat dalam pelaksanaan susulan audit adalah seperti berikut :-

| BIL | AKTIVITI SUSULAN AUDIT  | BIL AKTIVITI          |
|-----|---|-----------------------|
| 1.  | Menyelaras maklumbalas Dashboard JAN  | Mengikut keperluan    |
| 2.  | Laporan Dashboard JAN dalam JT JPS  | 4 kali setahun        |
| 3.  | Membantu Bahagian terlibat menyediakan Maklumbalas Audit oleh JAN / KASA dll. | Dari semasa ke semasa |
| 4.  | Menyelaras Maklumbalas Audit untuk Mesyuarat JKA KASA                         | 4 kali setahun        |

## 19.2 Inovasi

Bahagian Audit Prestasi bertanggungjawab dalam menguruskan pelaksanaan pembudayaan inovasi dan kreativiti melalui pendekatan terancang dan bersistematik berpandukan kepada Pelan Tindakan Inovasi (PTI) JPS. Pelan Tindakan Inovasi (PTI) JPS yang digunakan bagi tahun 2019 – 2020 adalah seperti berikut:

### (i) Spesifik Bahagian

| PTI SPESIFIK UNTUK JPS BAHAGIAN |                                   |   |           |    |    |    |
|---------------------------------|-----------------------------------|---|-----------|----|----|----|
| Inisiatif                       | Perkara                           | KPI   | Penilaian |    |    |    |
|                                 |                                   |   | NA        | BT | OT | ET |
| 1                               | Komitmen Pengurusan Atasan        | 2 Kekerapan mesyuarat   | 0         | 7  | 9  | 11 |
|                                 |                                   | 2 Bilangan pelaksanaan aktiviti   | 0         | 8  | 9  | 11 |
| 2                               | Pusat Sumber Inovasi              | 3 sumbangan / tahun   | 0         | 8  | 13 | 16 |
| 3                               | Penandaarasan ATAU                | 1 bidang utama / tahun  | 0         | 8  | 11 | 14 |
|                                 | Perekayasaan                      |   |           |    |    |    |
| 4                               | Pengurusan Idea                   | 2 idea diluluskan   | 0         | 8  | 13 | 16 |
| 5                               | Perkongsian & Penyebaran Maklumat | 1 Liputan dan Kumpulan Sasar  | 0         | 8  | 12 | 16 |
| 6                               | Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) | 1 kumpulan setiap Bahagian wajib menyertai Pertandingan KIK peringkat JPS pada tahun 2019 | 0         | 8  | 13 | 16 |
|                                 |                                   | 1 kumpulan setiap Bahagian wajib menyertai pertandingan KIK di luar JPS pada tahun 2020   |           |    |    |    |
| JUMLAH                          |                                   |   | 0         | 55 | 0  | 55 |

(ii) Spesifik Negeri

| PTI SPESIFIK UNTUK JPS NEGERI |                                   |   |           |           |           |            |
|-------------------------------|-----------------------------------|---|-----------|-----------|-----------|------------|
| Inisiatif                     | Perkara                           | KPI   | Penilaian |           |           |            |
|                               |                                   |   | NA        | BT        | OT        | ET         |
| 1                             | Komitmen Pengurusan Atasan        | 2 Kekerapan mesyuarat   | 0         | 6         | 7         | 9          |
|                               |                                   | 2 Bilangan pelaksanaan aktiviti   | 0         | 6         | 7         | 9          |
| 2                             | Pusat Sumber Inovasi              | 3 sumbangan / tahun   | 0         | 7         | 11        | 13         |
| 3                             | Penandaarasan ATAU                | 1 bidang utama / tahun  | 0         | 6         | 9         | 12         |
|                               | Perekayasaan                      |   |           |           |           |            |
| 4                             | Pengurusan Idea                   | 2 idea diluluskan   | 0         | 7         | 11        | 14         |
| 5                             | Perkongsian & Penyebaran Maklumat | 1 Liputan dan Kumpulan Sasar  | 0         | 7         | 11        | 13         |
| 6                             | Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) | 1 kumpulan setiap Negeri wajib menyertai Pertandingan KIK peringkat JPS pada tahun 2020 | 0         | 8         | 12        | 15         |
|                               |                                   | 1 kumpulan setiap Negeri wajib menyertai Pertandingan KIK di luar JPS pada tahun 2019   |           |           |           |            |
| 7                             | Hari Inovasi Negeri               | 3 Pengisian Hari Inovasi Negeri   | 0         | 8         | 12        | 15         |
| <b>JUMLAH</b>                 |                                   |   | <b>0</b>  | <b>55</b> | <b>80</b> | <b>100</b> |

Skala Pemarkahan PTI Bahagian / Negeri Keseluruhan:

| Keterangan               | Skala Markah | Penarafan Bintang |
|--------------------------|--------------|-------------------|
| Sangat Di Bawah Sasaran  | 0% - 49%     | 0 Bintang         |
| Di Bawah Sasaran         | 50% - 79%    | 3 Bintang         |
| Menepati Sasaran         | 80% - 89%    | 4 Bintang         |
| Sangat Melepassi Sasaran | 90% - 100%   | 5 Bintang         |

### 19.2.1 Anugerah Dan Inovasi

Jadual 19.1: Anugerah Dan Inovasi Yang Dimenangi Oleh JPS

| Tahun | Anugerah  |
|-------|---|
| 1985  | <i>The IEM Outstanding Engineering Achievement Award for the Muda Irrigation Project</i>  |
| 1993  | Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik (Kategori Kementerian Jabatan Persekutuan)  |
| 1993  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: Sistem Penilaian Tawaran Tender, JPS Johor  |
| 1993  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: Alat Perakam Sukatan Hujan Jenis Solid State, Bahagian Hidrologi Ibu Pejabat JPS Malaysia             |
| 1996  | Jabatan Kerajaan pertama memperoleh persijilan ISO 9002 dari SIRIM – Unit Peralatan, BHSA   |
| 1996  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: Float Indicator Untuk Mengukur Paras, JPS Terengganu  |
| 1996  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: Membaiki Keruntuhan Tebing Sungai Dengan Menggunakan Tayar Terbuang, JPS Daerah Larut / Matang, Perak |
| 1997  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: Struktur Kawalan Automatik menggunakan Tiub Getah, JPS Daerah Larut / Matang, Perak                   |
| 1999  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: Alat Cetak Plan, JPS Tumpat   |
| 1999  | Antara lima Jabatan Kerajaan yang pertama memperoleh persijilan ISO 9002 dari MAMPU – BPME JPS Selangor.                                  |
| 1999  | Memasuki Peringkat Akhir Anugerah Kualiti Perdana Menteri   |
| 1999  | Berjaya memasuki Peringkat Akhir Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Perbendaharaan   |
| 2000  | Anugerah Kualiti Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (AKKPPA)  |

| Tahun | Anugerah  |
|-------|---|
| 2001  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: E-Gate, JPS Selangor  |
| 2001  | Antara Jabatan Kerajaan pertama memperoleh persijilan ISO 9001:2000 dari SIRIM – BPME Ipoh.   |
| 2001  | Jabatan Kerajaan pertama memperoleh persijilan EMS ISO 14001:2004 dari SIRIM – JPS Seberang Perai Utara   |
| 2001  | Jabatan Kerajaan pertama memperoleh persijilan OHSAS 18001:1999 dari SIRIM – JPS Wilayah Persekutuan, KL  |
| 2002  | Anugerah Kualiti Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (AKKPPA)  |
| 2002  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: Laman web Maklumat Banjir JPS (Infobanjir), Bahagian Hidrologi  |
| 2002  | Anugerah Institusi Jurutera Malaysia kepada Ketua Pengarah JPS Malaysia   |
| 2003  | Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam: Struktur Pelindung Hakisan Tebing Sungai (Geoprotect), JPS Pulau Pinang   |
| 2003  | Pingat Perak Pertandingan Inovasi Dan Rekacipta Anugerah Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar: Struktur Pelindung Hakisan Tebing Sungai (Geoprotect), JPS Pulau Pinang   |
| 2003  | Anugerah Pensijilan Sistem Pengurusan kualiti Antarabangsa MS ISO 9001:2000   |
| 2003  | Anugerah "The Hassib J. Sabbagh" Untuk Kecemerlangan Pembinaan Kejuruteraan Dari The World Federation of Engineering Organizations Bagi Projek Small Dam and Irrigation Facilities  |
| 2004  | Johan KMK peringkat Kem. Sumber Asli & Alam Sekitar dengan tajuk' Peningkatan Kemasukan Pasir ke Dalam Talair tersier' – JPS Hilir Perak.   |
| 2004  | Anugerah Pingat Emas dengan Kepujian Juri di '32nd International Exhibition of Inventions New Techniques and Products di Geneva, dengan tajuk Inovasi 'Struktur Perlindungan Hakisan Tebing Sungai (Geoprotect KSN 1/200) |
| 2005  | Memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA) 2005: 'Perangkap Sampah Terapung Modular' – JPS Pulau Pinang  |
| 2006  | Anugerah Pingat Gangsa di pertandingan Inovasi dan Rekacipta Antarabangsa Geneva, Switzerland bagi' Perangkap Sampah Terapung Modular' – JPS Pulau Pinang.  |

| Tahun | Anugerah   |
|-------|--|
| 2006  | Menangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA) 20116: Struktur Pengawalan Hakisan Pantai, Labuan Block.   |
| 2006  | Johan Kategori Perkhidmatan Awam Bagi Pameran Inovasi Sempena Showcase Inovasi Dan Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2006: Struktur Pengawalan Hakisan Pantai, Labuan Block.                      |
| 2007  | Anugerah Pingat Perak di 'Malaysia Technology Expo 2007': Struktur Pengawalan Hakisan Pantai, Labuan Block.  |
| 2007  | Anugerah Pingat Perak di pertandingan Inovasi dan Rekacipta Antarabangsa Geneva, Switzerland bagi 'Coast Secure Blocks' – Bahagian Pantai, JPS Ibu Pejabat.                                      |
| 2008  | Anugerah Pingat Perak di '36 <sup>th</sup> International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products' di Geneva, dengan tajuk Inovasi 'UltraGal Guard Rail' – JPS Pulau Pinang         |
| 2008  | Anugerah Pingat Perak di '36 <sup>th</sup> International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products' di Geneva, dengan tajuk Inovasi 'Integrated Floatable Bridge' – JPS Pulau Pinang |
| 2008  | Projek SMART telah memenangi 'The British Construction Industry International Award 2008'.   |
| 2008  | Johan Pertandingan Pameran Terbaik Terbaik di Majlis Hari Kualiti NRE  |
| 2008  | Tempat Ke-3 Pertandingan Laman Web Terbaik antara agensi-agensi di bawah NRE di majlis Hari Kualiti NRE  |
| 2008  | Menangi Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2008: Geoprotect KSN 1/200 bagi Kategori Inovasi Produk  |
| 2008  | Menangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA) 2008: Kotak Penghalang Pasir – JPS Hlir Perak  |
| 2009  | Naib Johan Anugerah Rekaan Dan Hiasan Pameran Terbaik sempena Hari Inovasi NRE   |
